



Pelajar UMP bosan guna jalan berdebu

SAYA adalah pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang tinggal di Kolej Kediaman Ke-2, (KK2). Masalah saya dan rakan yang tinggal di KK2 ialah jalan yang digunakan setiap hari ke kuliah tidak berturap, sebaliknya jalan berbatu.

Masalah terjadi apabila ada projek melebarkan jalan dilakukan, walaupun projek itu bakal membawa manfaat kepada pengguna khususnya penghuni KK2, tempoh untuk menyiapkannya mengambil masa sangat panjang.

Projek itu bermula lebih setahun lalu tetapi sehingga sekarang ia masih belum dapat disiapkan. Penghuni KK2 berdepan masalah dengan debu apabila melalui jalan itu, apatah lagi lori yang digunakan untuk menjalankan satu lagi projek di belakang KK2 dipandu laju boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

Pelajar tidak sanggup mengguna jalan tidak berturap ini. Pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sudah berusaha mencari penyelesaian masalah ini. Agak malang sehingga kini tiada sebarang perubahan berlaku.

**PENGGUNA
JALAN BATU,**

Universiti Malaysia Pahang.